

Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKNM), terima sumbangan RM234,000 untuk pembelian mesin dialisis

Disember 27, 2019 Ditulis oleh Media Baharu Published in Nasional



KUALA LUMPUR - Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKNM) menerima sumbangan RM234,000 dari dua rakan strategiknya.

Sumbangan diterima Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang juga Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKNM daripada Pelitawanis Kebangsaan dan Central Sugars Refinery.

Sumbangan ini bagi pembelian enam unit mesin dialisis untuk kegunaan YKN Dialisis Lembah Pantai dan YKN Dialisis Kuala Terengganu.

Ketika ini terdapat enam pusat YKN Dialisis yang beroperasi antaranya di Lembah Pantai- Kuala Lumpur, Kota Baharu-Kelantan, dan Kota Kinabalu -Sabah.

Pada masa sama YKNM juga mengalu-alukan kerjasama daripada orang ramai atau syarikat korporat.